

# MB: Syor bina pagar keselamatan disokong

IPOH, Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi sokongan penuh terhadap rancangan kerajaan Perak untuk mengadakan pagar keselamatan di kawasan sempadannya dengan Thai.

Bagaimanapun, kerajaan negeri masih menunggu "lampung hijau" dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai perkara itu.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh, yang juga pengarah gerakan negeri memberitahu berita harian hari ini, MKN memberi perhatian berat mengenai permintaan kerajaan negeri itu.

"Kita telah membawa perkara ini ke peringkat Kerajaan Persekutuan dan semuanya sekarang bergantung kepada mereka memutuskannya," beliau menambah.

Tujuan utama projek itu berhubung dengan masalah-masalah keselamatan terutama dalam usaha mengatasi penyeludupan dan penyusupan masuk anasir-anasir jahat.

## Lawatan

Projek itu dicadangkan kepada kerajaan pusat berikutan dengan satu lawatan ahli-ahli jawatankuasa keselamatan negeri yang diketuai oleh Menteri Besar, untuk meninjau pagar keselamatan sepanjang 17 batu di padang besar yang terletak berdekatan sempadan Thai bulan Mac tahun 1979.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed berkata, mengenai pungutan hasil projek itu dikatakan membawa keuntungan.

Beliau menambah pagar keselamatan yang dicadangkan itu lebih kurang sama dengan yang dibina oleh kerajaan Perlis, bernilai \$7.2 juta di Padang Besar.

Sebaik sahaja MKN meluluskan pagar itu, ia akan dibina sejauh 16 batu, dari Bukit Perenggan di sempadan Perak-Kedah hingga ke Lepangan Nenering di Perak, berhampiran sempadan Thai.

Ahli-ahli pencegah penyeludupan akan mengadakan kawalan 24 jam sebaik rancangan ini berkuatkuasa.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia